

18/03/2000

Bank mesti hukum pekerja tidak amanah

MEMBOCORKAN akaun bank seseorang satu kesalahan yang serius. Hanya individu terbabit yang tahu bagaimana marahnya mereka apabila akaun bank mereka dihebahkan untuk pengetahuan umum. Jika terkena batang hidung sendiri, mereka tahu sakitnya hati apabila ada pihak membocorkan rahsia akaun kewangan mereka.

Menjelang pilihan raya umum lalu, akaun individu tertentu tersebar luas, kononnya memiliki banyak wang dalam bank tertentu, malah ada antaranya dari bank luar negara. Salinan akaun itu dibuat seolah-olah menunjukkan ia adalah dokumen yang benar. Wang yang dikumpul oleh seseorang digambarkan diperolehi hasil menipu rakyat. Tambahan, akaun individu yang disebarikan itu adalah nama orang tertentu yang kononnya didakwa ada kaitan dengan amalan kroni.

Tujuan penyebaran dokumen seperti itu semata-mata untuk membangkitkan kebencian terhadap pemimpin kerajaan. Jelas mereka di belakang tabir itu adalah golongan yang menyokong parti pembangkang. Setakat ini belum ada laporan menunjukkan bank terbabit mengambil tindakan terhadap pegawai atau kakitangan mereka. Ia menunjukkan seolah-olah kakitangan bank berkenaan tidak melakukan apa-apa kesalahan. Bank terbabit pula mendiamkan diri, bagaikan tidak ada perkara serius berlaku. Sepatutnya, bank berkenaan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap kakitangan terbabit kerana tindakan mereka mencemarkan nama baik bank. Jika tidak ia boleh menimbulkan syak apakah bank itu atau pengurusannya juga mempunyai kaitan dengan mereka yang bertindak demikian. Inilah andaian yang timbul apabila pengurusan dilihat seolah-olah tidak mengambil peduli terhadap hal yang berlaku.

Malangnya, mereka yang menjadi mangsa tidak boleh bertindak biarpun maklumat yang disebarikan itu tidak mencerminkan keadaan sebenar. Apa yang boleh mereka lakukan hanyalah tidak lagi berurusan dengan bank berkenaan, itu pun jika mempunyai akaun di bank itu. Jika tidak, nama mereka tidak boleh dibersihkan lagi. Tidak ramai yang membuat penafian kerana berbuat demikian memungkinkan pendedahan maklumat perniagaan yang bersifat sulit. Selain itu, memalsukan dokumen bukan perkara mustahil pada zaman ini. Kemajuan teknologi boleh melakukan apa saja, inikan pula sekadar meniru akaun bank.

Pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai adanya kakitangan bank tertentu membocorkan dokumen rahsia, perlu dipandang serius. Apakah wajar kakitangan bank berkenaan membuat salinan cek dan mempamerkannya dalam Internet? Walaupun pendedahan itu dibuat khusus berikutan penyebaran cek kerajaan Melaka oleh kakitangan dua bank, keadaan yang sama dikatakan turut berlaku di beberapa bank lain. Apakah kesalahan kerajaan sehingga mereka sanggup bertindak demikian?

Oleh itu, cadangan kerajaan untuk mengeluarkan wang daripada bank yang tidak menjaga kepentingan pelanggan itu adalah wajar supaya bank terbabit lebih prihatin dan pegawainya bersikap lebih profesional serta amanah menjalankan tugas. Kerajaan Melaka mengambil langkah pertama dengan membuat keputusan mengeluarkan wang simpanan tetap agensinya daripada dua bank tempatan. Tindakan itu diambil kerana bank berkenaan tidak bertindak terhadap kakitangan yang membocorkan maklumat sulit bersabit urusan yang tidak sepatutnya didedahkan untuk pengetahuan umum.

Kakitangan itu sengaja menimbulkan kemarahan pelanggan yang akhirnya menyebabkan mereka sendiri yang rugi. Apakah berikutan tindakan kerajaan

Melaka itu, ramai pelanggan lain mengeluarkan wang mereka dan menyimpannya di bank yang boleh dipercayai, yang pekerjaanya lebih amanah? Jika kerajaan negeri lain dan agensinya mengikuti jejak Melaka, siapa yang rugi?

Bank memerlukan banyak wang untuk pelbagai urusan. Jika mereka kehilangan pelanggan, ia menimbulkan kerumitan untuk mengeluarkan pinjaman dan sebagainya. Pelanggan tidak rugi kerana mereka mempunyai banyak pilihan; keputusan terletak di tangan mereka. Jika tidak berkenan sesuatu bank, pelanggan boleh berpindah kepada bank lain. Sebaliknya, sekali nama dan kewibawaan sesebuah bank terjejas, tidak mustahil bank itu akan menghadapi masalah besar sehingga menyebabkan pengguna tidak mahu berurusan dengannya kerana terhakis kepercayaan terhadap kewibawaan bank itu. Oleh itu, pengurusan bank berkenaan harus bertindak tegas terhadap kakitangan yang mencemarkan nama baik bank itu sehingga menjejaskan kewibawaannya.

(END)